



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**AMANAT MENTERI SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN KALI
PERTAMA TAHUN 2022**

LOKASI/TARIKH/MASA

MENARA KPWKM/ 10 JAN 2022/ 10 PAGI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia.

1. YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

2. YBrs. Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim

Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)

3. YBrs. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

**4. Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan
Kementerian**

**5. Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati dan
dikasihi sekalian.**

PENDAHULUAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, dapat kita semua berjumpa di Majlis Perhimpunan Bulanan kementerian buat kali yang pertama bagi tahun 2022.

PENGHARGAAN

Warga Kementerian yang saya kasihi,

1. Tahun 2021 telah **melabuhkan tirainya** dengan pelbagai kenangan, kini, Tahun 2022 pula **membuka jendelanya** dengan pelbagai peluang dan harapan. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan **Selamat Tahun Baharu** kepada seluruh warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Dengan ketibaan tahun 2022 ini, maka bermulalah lembaran baharu dalam kehidupan kita.

2. Tatkala kita berdepan dengan cabaran dalam memerangi COVID-19, Malaysia terus diuji dengan **bencana banjir yang agak luar biasa** terutama di negeri Selangor dan Pahang. Bencana ini bukan sahaja telah memusnahkan harta benda, malah menyebabkan kehilangan nyawa.

3. Saya sangat terharu dengan komitmen dan pengorbanan semua kakitangan Kementerian dan seluruh agensi khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) yang menjadi petugas barisan hadapan dalam menangani Pandemik COVID-19 dan bencana banjir. Tidak dilupakan agensi lain

seperti Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) yang turut menjadi **pelaksana utama dalam menyampaikan khidmat sokongan sosial kepada kumpulan sasar Kementerian.**

4. Suka juga saya ingin menceritakan pengalaman saya semasa membuat lawatan turun padang menyantuni warga Kementerian yang terjejas banjir. **Saya amat tersentuh apabila diberitahu bahawa sebenarnya pegawai yang merupakan salah seorang mangsa bencana banjir ini tetap komited**

menjalankan tugas di PPS sedangkan pada masa yang sama, kediaman beliau sendiri sedang dinaiki air sehingga paras pinggang.

5. Dalam keadaan negara berdepan dengan musibah bencana banjir di luar kawalan semasa kita masih lagi berada dalam fasa pemulihan wabak COVID-19, keluarga KPWKM tetap komited dan tekun dalam melaksanakan tanggungjawab membantu mereka yang terkesan melalui pelbagai inisiatif kesukarelawan dan bantuan sama ada yang bersifat *tangible* atau *intangible* seperti kaunseling dan lain-lain. Kekangan yang dihadapi dan norma bekerja baharu yang

diadaptasi tidak melunturkan semangat warga kerja Kementerian untuk sentiasa menyantuni kumpulan sasaran dalam menangani kesan krisis pasca COVID-19 dan bencana banjir.

6. Sesungguhnya, di sebalik tragedi dan kesedihan, musibah banjir ini telah menyerlahkan lagi **semangat Keluarga Malaysia iaitu kebersamaan dalam kalangan rakyat tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa dan agama.**
7. Saya amat berbangga dengan keluarga KPWKM yang bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu tugas yang

mana Islam juga menekankan kerja secara bersungguh-sungguh ini sehingga dijelaskan oleh Nabi S.A.W. :

"Sesungguhnya Allah S.W.T. suka apabila seseorang diantara kamu melakukan sesuatu pekerjaan ia melakukan dengan tekun dan bersungguh-sungguh" (Riwayat At-Tabrani)

Saya percaya dalam memenuhi syarat untuk menjadikan kerja sebagai satu ibadat, setiap pekerja **perlu berusaha bersungguh-sungguh** untuk memastikan kerja yang dilakukan dapat memenuhi kehendak pelanggan dan dapat meningkatkan

produktiviti serta memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan. Setiap pekerja perlu berusaha dengan sebaik mungkin dan sedia menghadapi segala karenah dengan bersikap sabar, tekun, berwawasan dan seumpamanya.

8. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan **jutaan terima kasih kepada warga Kementerian yang turut terlibat dalam misi bantuan banjir tidak kira di bawah kelolaan KPWKM, NGO ataupun entiti lain.** Saya difahamkan jabatan, bahagian, unit telah mengambil tindakan pantas membantu warga masing-masing yang terjejas akibat banjir dengan menghulurkan pelbagai bentuk bantuan. Saya juga ingin

mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada 188 warga KPWKM yang terlibat secara langsung sebagai task-force pengurusan pasca banjir KPWKM untuk membantu tugas-tugas mengemas pusat pemindahan sementara dan kerja-kerja lain.

9. Sesungguhnya, sudah tiba masanya kita menyemarakkan lagi semangat kesukarelawanan dalam kalangan warga kementerian. Ketahuilah, kita semua adalah wira dan wirawati negara. Saya berdoa semoga tahun 2022 memberikan **Sinar Baharu** kepada warga kerja KPWKM dan seluruh Keluarga Malaysia.

MENAMBAH BAIK PERKHIDMATAN

Warga Kementerian yang dikasihi,

10. Hasil lawatan dan turun padang saya dalam memantau dan menyantuni mangsa-mangsa banjir di PPS dan lokasi banjir, Alhamdulillah, saya dapati pusat-pusat pemindahan sementara cukup dengan makanan dan barangan keperluan asas. Selain keperluan disediakan oleh pihak bertanggungjawab seperti JKM, NADMA, pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan 'PBT', ramai pihak turut menyumbang baik daripada NGO,

individu mahupun syarikat. Namun kalau diperhatikan terdapat pembaziran dari segi makanan kerana makanan siap masak yang dibungkus mudah rosak atau basi. Pemberian barangan dapur pula lebih sesuai selepas mereka keluar dari PPS.

11. Justeru saya mencadangkan, sudah tiba masanya untuk kita memperluaskan lagi penggunaan makanan dengan bungkusan menggunakan teknologi retort atau penstrilan. Teknologi retort mungkin belum diperluaskan di negara ini, tetapi ia sudah lama digunakan oleh tentera, ia menjadikan makanan tahan lebih lama, segar dan mudah disediakan. **Penggunaan makanan yang dibungkus menggunakan teknologi retort lebih**

sesuai dan praktikal khususnya untuk membekalkan makanan kepada mangsa-mangsa di pusat pemindahan sementara.

12. Justeru itu satu Jawatankuasa Khas di peringkat Kementerian yang akan dipengerusikan oleh saya sendiri akan ditubuhkan untuk kita menambahbaik system perkhidmatan banjir JKM yang sedia ada seiring dengan cabaran semasa. Kita sentiasa terbuka kepada cadangan yang praktikal demi menjamin khidmat yang terbaik kepada keluarga Malaysia. Sudah tiba masanya untuk JKM mengintegrasikan semua maklumat dan info

di bawah satu aplikasi pintar yang dapat memberi manfaat yang lebih maksimum kepada penggunanya.

13. Selain itu aplikasi InfoBencanaJKM juga boleh ditambah baik dengan menambah capaian maklumat agar lebih interaktif dan informatif supaya boleh menjadi rujukan utama rakyat Malaysia seiring dengan peranan dan perkhidmatan JKM kepada kumpulan sasaran dan rakyat Malaysia.

PENCAPAIAN TAHUN 2021

Hadirin Yang Dikasihi Sekalian,

14. **Tahun 2021** menyaksikan transformasi bantuan kebajikan oleh JKM yang melibatkan peruntukan kerajaan **sebanyak 2.2 bilion ringgit dan sekaligus memberi manfaat kepada 517,414 penerima**. Transformasi ini melibatkan kenaikan kadar kepada **lima skim bantuan kewangan** persekutuan yang telah memberi manfaat kepada semua penerima bantuan yang terlibat.

15. Di samping itu, KPWKM juga telah diberi peruntukan tambahan sebanyak **791 juta ringgit di bawah 3 pakej rangsangan iaitu Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Pelan Perlindungan Rakyat, Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA).**

16. Sepanjang tahun 2021 yang lepas, kita memanjatkan rasa kesyukuran kerana kita telah berjaya melaksanakan program yang berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada kumpulan sasar kita. Di sini, saya ingin berkongsi sepuluh pencapaian utama kita seperti berikut:

Pertama – kita telah menyediakan bakul makanan dan menyelaraskan sumbangan daripada pelbagai pihak bagi memastikan kebajikan kumpulan sasaran kita terpelihara di mana **sebanyak 20.8 juta ringgit telah dibelanjakan.**

Kedua – kita berjaya melancarkan Skwad Keluarga Malaysia (SKM) yang merupakan inisiatif yang berbentuk pendampingan sosial atau *social outreach*. Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 1,643 program telah dilaksanakan dengan penglibatan 93,591 klien, 22 syarikat korporat, 12 buah NGO dan 4,253 sukarelawan.

Ketiga – kita bersama-sama melindungi institusi keluarga yang terkesan dengan memberikan perlindungan, sokongan emosi dan khidmat kaunseling melalui Talian Kasih 15999 dan Talian Toll-free Helpline Family Care@LPPKN 1-800-820-300. Sehingga 31 Disember 2021 sebanyak 6,517 kes telah dikendalikan. Di samping itu, Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) telah melaksanakan program sokongan psikososial melalui rancangan **Selamat Pagi Malaysia** dan saluran **YouTube TV Lembaga Kaunselor** yang telah bersiaran dengan anggaran penonton berjumlah **1.5 juta sehingga 1.9 juta.**

Keempat – kita telah membantu menyediakan sistem sokongan untuk institusi keluarga dengan pemberian geran sebanyak **30 juta ringgit bagi penubuhan, pengoperasian dan penyelenggaraan TASKA di tempat kerja sektor awam.**

Kelima – kita telah berjaya **mempertingkatkan sosio-ekonomi dalam kalangan wanita**, walaupun dalam menghadapi norma baharu ini. **Jabatan Pembangunan Wanita** telah melaksanakan sebanyak **1,826 program pemerksaan wanita** sepanjang tahun 2021 melibatkan **852,914 peserta**. **Kita juga telah melancarkan Skwad WAJA pada 17 Oktober**

2021 dan sehingga 31 Disember 2021 kita telah mempunyai seramai 120,693 ahli, melebihi sasaran awal 100 ribu orang. Selain daripada itu, seramai **5,132 wanita telah dibantu menjana pendapatan melalui perniagaan kecilan atau keusahawanan dan mendapat pekerjaan menerusi Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM.**

Keenam – bagi menggalakkan persekitaran yang menyokong usaha-usaha pemerkasaan wanita, KPWKM turut menggubal **Rang Undang-undang Anti Gangguan Seksual yang telah dibentangkan di Parlimen untuk bacaan kali pertama pada 15 Disember 2021.**

Ketujuh - Kementerian sentiasa mengutamakan golongan kanak-kanak sebagai pewaris negara. Dalam hal ini, kita telah menubuhkan Jawatankuasa Bersepadu Pengurusan Isu-Isu Sosial Kanak-Kanak Di Media Sosial pada 15 Jun 2021 yang lalu. Jawatankuasa ini bertujuan untuk menggembeng tenaga pakar supaya memastikan kanak-kanak di media sosial terpelihara. Di samping itu, Kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif lain seperti Projek Rintis Pemeliharaan Berasaskan Keluarga, Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur, Projek Rintis *Diversi*on bagi pesalah kanak-kanak,

Projek Rintis *Alternatives to Detention* bagi kanak-kanak terpisah dan tanpa dokumen yang berada dalam depot imigresen.

Kelapan - Kementerian telah berjaya melengkapkan dan mengemukakan **Laporan Negara Kedua hingga Kelima Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC)** pada 5 Ogos 2021 kepada Jawatankuasa CRC melalui Perwakilan Tetap Malaysia di Geneva;

Kesembilan - **sistem pendaftaran OKU secara dalam talian telah diperkenalkan iaitu pendaftaran melalui QR Code**

(MyDaftar OKU) yang telah dilancarkan pada 27 Oktober 2021. Sehingga 30 Disember 2021, sebanyak 9,488 Kad OKU Digital telah diluluskan dan sebanyak 6,148 permohonan masih dalam proses; dan

Yang kesepuluh – kita telah berjaya menubuhkan satu premis tetap Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) di Kuala Lumpur dan empat PSSS bergerak yang telah memberi manfaat kepada 2,212 orang yang mendapat maklumat secara terus dan seramai 517 orang yang mendapat perkhidmatan kaunseling.

HARAPAN BAGI TAHUN 2022

Hadirin yang dikasihi sekalian,

17. Bagi tahun 2022, KPWKM telah diperuntukkan sebanyak **2.68 bilion ringgit iaitu pertambahan peruntukan sebanyak 116.8 juta ringgit** bersamaan 4.56 peratus berbanding tahun 2021. Daripada jumlah ini, sebanyak **2.5 bilion ringgit adalah di bawah Peruntukan Mengurus manakala 175.42 juta ringgit di bawah Peruntukan Pembangunan.**

18. Selepas dua tahun mengharungi kesukaran akibat pandemik COVID-19, rakyat memerlukan bantuan dan sokongan Kerajaan untuk bangkit semula. Alhamdulillah, **Belanjawan 2022 adalah bajet yang sangat prihatin** terhadap kebajikan rakyat terutama yang memerlukan bantuan selari dengan tema “**Keluarga Malaysia, Makmur dan Sejahtera**” yang tentunya akan memberi manfaat dalam usaha menambah baik bantuan dan peruntukan khusus buat keperluan kumpulan sasar Kementerian.

19. Memahami rakyat terpaksa bergelut dalam situasi ekonomi yang getir hari ini, Kementerian telah mengkhususkan

sebanyak 1.772 bilion ringgit iaitu 71% daripada jumlah peruntukan belanja mengurus kepada bantuan kebajikan bagi membantu mereka yang memerlukan untuk meneruskan kelangsungan hidup. Ini juga selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menaikkan kelayakan permohonan bantuan kebajikan dengan menggunakan Paras Garis Kemiskinan (PGK) 2019 iaitu 1,169 ringgit berbanding 980 ringgit sebelum ini. Perubahan ini akan melibatkan pertambahan 200 juta ringgit bagi Tahun 2022 untuk bayaran kebajikan di bawah JKM. Kenaikan PGK ini memerlukan perhatian khusus oleh Kementerian.

21. Selain itu, saya juga mahu supaya peruntukan **30 juta ringgit untuk penubuhan Taska di Tempat Kerja Awam dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan dalam hubungan ini, tindakan segera perlu diambil supaya pengagihan peruntukan dilaksanakan dengan pantas.**

22. Pada tahun 2022 ini, Kementerian akan terus **memperkasakan wanita secara lebih komprehensif**, di mana **Majlis Wanita Negara (MWN)** yang telah diluluskan oleh **Jemaah Menteri akan digerakkan** sebagai sebuah platform yang akan menyelaraskan semua program bersama-sama pihak yang

20. Oleh itu, bagi memastikan peruntukan bantuan kebajikan tersebut efektif dan efisien (dalam mencapai objektif sebenarnya), langkah-langkah terperinci perlu dirangka dan dilaksanakan segera untuk memastikan perbelanjaan ini boleh terus ditampung oleh kerajaan pada masa hadapan. Program-program seperti perubahan *mindset*, *job matching* dan bimbingan penjana pendapatan khususnya buat penerima-penerima bantuan sedia ada amat diperlukan untuk membantu mereka berdikari dan mengeluarkan mereka daripada terus menerima bantuan. Di samping itu, saya menyeru supaya penyampaian bantuan secara *cashless* diperluaskan ke seluruh negara.

berkepentingan meliputi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

23. Selain itu, kita mahu Skwad WAJA diperkasakan lagi dengan beberapa penambahbaikan dari segi pengurusan, struktur, modul dan latihan yang disasarkan kepada ahli baru dan sedia ada dalam usaha memperlengkapkan sukarelawan Skwad WAJA dengan ilmu, kemahiran dan sifat membantu yang tinggi. Dengan ini, saya menetapkan bahawa Skwad WAJA perlu mencapai sasaran 1 juta orang ahli dan meningkatkan visibiliti di mata umum.

24. Bagi menangani isu keganasan rumahtangga pula, inisiatif masjid sebagai pusat transit mangsa keganasan rumahtangga yang bermula di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2021 akan terus diperluaskan ke negeri-negeri lain bagi membolehkan capaian yang lebih mudah untuk mangsa berkenaan mendapat perlindungan segera.

Inisiatif seperti ini perlulah diwar-warkan dengan lebih meluas agar masyarakat khususnya mangsa mengetahui wujudnya tempat perlindungan ini.

25. Sebagai usaha proaktif Kementerian yang berbentuk *immediate relief* kepada kumpulan sasaran untuk mendapatkan

perkhidmatan segera dari segi perkhidmatan kebajikan serta psikososial, kita telah berjaya memujuk Kementerian Kewangan untuk memperuntukkan sebanyak **RM10 juta bagi tahun 2022 untuk menambah 2 lagi Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) termasuk 7 Stesen Operasi PSSS Bergerak di Zon Utara dan Sarawak.**

26. Peranan ini turut dimainkan bersama oleh LKM dengan **membekalkan informasi dan akses kepada perkhidmatan sokongan psikososial serta mewujudkan kesedaran mengenai kesejahteraan mental secara holistik kepada masyarakat.** Dengan ini, saya menyeru supaya LKM

mengukuhkan kawal selia standard kaunselor berdaftar melalui penggubalan Dasar Kaunseling Negara bagi mempertingkatkan perkhidmatan kaunseling yang lebih sistematik dan efektif di Malaysia.

27. Memahami keperluan untuk mengiktiraf profesion kerja sosial, Kementerian kini sedang dalam peringkat akhir proses penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial (RUU PKS). Walaupun terdapat beberapa perkara yang masih perlu diselaraskan, saya yakin dan percaya, InsyaAllah RUU PKS akan dibentangkan di Parlimen pada sidang Julai 2022 ini.

28. Saya juga menyeru supaya Institut Sosial Malaysia “ISM” meningkatkan visibiliti sebagai pusat repositori bagi kajian-kajian dan penerbitan yang akan membantu membentuk dasar-dasar yang bersesuaian dengan hala tuju Kementerian. ISM juga akan menjadi pusat rujukan silang ilmiah di masa hadapan dalam bidang kerja sosial di Malaysia.

29. Bagi LPPKN pula, saya menyeru supaya dipergiat usaha memperkasakan keluarga melalui program dan perkhidmatan kekeluargaan. Dalam hubungan ini, saya mohon *supaya toll-free helpline family care@LPPKN* diberi nilai tambah dengan memasukkan perkhidmatan-perkhidmatan

yang bukan sahaja bagi kaunseling perkahwinan tetapi mengambil kira juga kaunseling-kaunseling berbentuk kekeluargaan yang lain termasuk kepada remaja.

Hadirin-hadirat yang di kasihi,

30. Kementerian akan terus meningkatkan **inisiatif transformasi digital melalui platform Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR)**. Dengan ini, saya menggalakkan semua permohonan perkhidmatan bantuan JKM dibuat secara dalam talian serta melengkapkan pangkalan data bagi setiap penerima bantuan sedia ada melalui pengintegrasian sistem eBantuan JKM dan ISPEKS.

31. Pengalaman mengajar kita, menghadapi pelbagai bencana alam ekoran dari perubahan cuaca adalah fenomena yang seringkali dihadapi. Sebagai Kementerian yang menjaga kebajikan rakyat, maka adalah menjadi keutamaan kita untuk sentiasa bersiap sedia menjadi barisan hadapan. Oleh yang demikian, besar harapan saya supaya JKM dapat **menambahbaik Peraturan Tetap Operasi Bencana JKM 2018** serta **meningkatkan kompetensi pegawai** di lapangan untuk menghadapi situasi tersebut. Saya juga berharap supaya semua maklumat adalah tepat dan diselaraskan dengan **cekap** sehingga ke peringkat daerah.

32. Untuk YKN pula, aspirasi saya ialah supaya YKN menjadi penanda aras dalam kerja-kerja kebajikan kepada yayasan-yayasan dan NGO-NGO di luar sana. Oleh itu, saya berharap supaya YKN dapat meneroka kerjasama secara lebih meluas lagi terutamanya dengan badan-badan korporat dan NGO-NGO sama ada dalam atau luar negara.

33. Tahun 2022 juga akan diteruskan untuk meningkatkan penglibatan Kementerian dalam memenuhi obligasi antarabangsa. Selaras dengan itu, saya menggesa supaya laporan negara mengenai Konvensyen Mengenai

Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) dapat disiapkan dan dihantar kepada jawatankuasa berkenaan.

SINERGI INTER-AGENSI DAN BAHAGIAN DALAM KEMENTERIAN

Keluarga KPWKM yang saya kasihi,

34. Bagi menyokong semua perkara yang saya telah hasratkan tadi, saya **menggesa supaya penstrukturan Kementerian dan Jabatan diberi keutamaan dan pembangunan kapasiti keseluruhan warga Kementerian dipertingkatkan di setiap**

peringkat. Di samping itu, saya menyeru supaya **sinergi inter-agensi dan bahagian dalam kementerian** dapat diperkembangkan lagi. Perlu ada komunikasi sesama kita, dan **siri konsultasi dengan lebih kerap perlu diadakan** bersama-sama kumpulan sasar di setiap lapisan masyarakat serta pihak berkepentingan.

35. Suka juga saya ingin mengingatkan keluarga Kementerian bahawa **penggunaan media sosial sebagai medium utama penyampaian maklumat merupakan salah satu langkah yang perlu diambil oleh setiap agensi dan jabatan bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian maklumat di**

pelbagai peringkat. Kandungan-kandungan atau content di semua platform-platform media sosial perlulah dikemaskini selalu dan dilakukan secara konsisten selalu dengan pengisian yang segar, berinformasi, interaktif, terkini, dan bermanfaat untuk dikongsi oleh pengikut-pengikut atau 'follower' kita baik di Facebook, Instragram, Twitter, Telegram, mahupun TikTok.

36. Ini kerana rakyat secara keseluruhannya lebih dekat dengan medium sebegini bagi mendapatkan maklumat dan informasi. Oleh itu, komunikasi strategik amatlah penting bagi Kementerian dan haruslah digunakan secara bijak supaya informasi dan mesej sampai kepada sasarannya.

PENUTUP

Tuan/puan yang saya hormati,

37. Kementerian dari semasa ke semasa sentiasa berusaha sedaya upaya serta bersikap terbuka kepada ruang penambahbaikan demi kepentingan terbaik rakyat. Saya berdoa semoga tahun 2022 dapat memberi sinar harapan supaya semua aspirasi yang dihasratkan dapat direalisasikan.

38. Saya juga berharap warga kerja Kementerian terus menyokong dan memberi kepercayaan untuk saya terus

memimpin dan menerajui kementerian ini serta memberi perkhidmatan terbaik untuk kumpulan sasar dan rakyat Malaysia amnya. Saya berjanji untuk terus memikul amanah dan tanggungjawab dengan sebaiknya meskipun pelbagai rintangan dan halangan yang mendatang.

39. Sokongan dan kerjasama yang diberikan amat saya hargai dan menjadi pemangkin untuk saya terus gagah melangkah. Hanya Allah jua yang dapat membalasnya. Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 dan marilah kita bersama-sama menghayati dan membudayakan norma

baharu dalam menjalani kehidupan seharian serta mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

40. Kita bekerja bersama-sama sebagai satu keluarga. Saya memerlukan sokongan, kerjasama dan komitmen daripada anda semua untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada saya dengan Berjaya-terurus dan terancang. Kita boleh. Kita mampu melakukannya. Bersama- Bersatu-Berjaya.

41. Sebelum mengundur diri, saya sudah dengan serangkap pantun:

Burung helang terbang tinggi,
Hinggap sebentar di pohon jati,
Terima kasih saudara-saudari,
Atas komitmen sepenuh hati.

Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warrahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
10 JANUARI 2022